

# BULETIN **INTEGRITI**



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Edisi Pertama 2018

ISSN: 1028-2727

## Memartabatkan **Integriti** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



BICARA INTELEKTUAL PEMERKASAAN INTEGRITI (BIPIN)



BENGKEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
ORGANISASI BERINTEGRITI (PMIOB)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah dan Syabas  
kepada  
**YAS Tuan Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid**  
di atas pelantikan pada 11 Jun 2018 sebagai  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.**

Daripada  
**Unit Integriti**  
**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**

# KANDUNGAN

BULETIN INTEGRITI



02 | Tahniah ke atas Pelantikan Ketua Pengarah Baru

04 | Kata-Kata Aluan Ketua Pesuruhjaya Bomba

05 | Tinta Ketua Editor



06 | Mesyuarat Urusetia-Urusetia Lembaga Tatatertib Bil. 1 Tahun 2018

07 | Lawatan Mengejut Ke Balai Bomba dan Penyelamat

08 | Bengkel Integriti dan Tatatertib Urus Setia Lembaga Tatatertib

09 | Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib JBPM Negeri Selangor

11 | Bicara Intelektual Pemerkasaan Integriti (BIPIN) Siri 1/2018 Zon Borneo

13 | Analisa Tatatertib

14 | Bengkel Pembangunan Modal Insan Organisasi Berintegriti (PMIOB) Siri 1/2018

15 | Bicara Agama: Integriti Dihayati, Hidup Diberkati.

18 | Tahukah Kita???

19 | Jasamu Dikenang





KATA-KATA ALUAN

## KETUA PESURUJAYA BOMBA YAS MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID

*Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia*

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Cepat Dan Mesra Dan Salam Integriti.**

Alhamdulillah, selawat dan salam atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW serta keberkatanNya dapat terus menabur bakti kepada tanah air tercinta. Dikesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Integriti atas penerbitan Buletin Integriti edisi 1/2018 melalui usaha dan kreativiti tersendiri dalam usaha memartabatkan integriti dalam Jabatan ini.

Keikhlasan, kejujuran, keutuhan dan kesempurnaan merupakan elemen terpenting terhadap keberkesanan nilai integriti dalam diri setiap individu terutama melibatkan tadbir urus organisasi dalam memacu jabatan ini mencapai matlamat yang diimpikan. Melalui sokongan dalam pelaksanaan program-program pengukuhan dan pemerkasaan integriti yang mendorong ke arah penerapan dan pemahaman terhadap elemen tersebut.

Setiap individu yang mempunyai nilai integriti yang mampan tidak hanya akan menjadi warga Jabatan yang berdedikasi dan berdisiplin tinggi namun ianya juga secara langsung membantu memberi impak dan nilai yang positif sebagai tauladan yang baik terhadap masyarakat awam melalui akhlak dan tingkah laku terpuji.

**“**Cerminan utama terhadap organisasi adalah melalui komitmen dan kesungguhan seluruh warga Jabatan dalam menterjemahkan segala pengetahuan dan kefahaman terhadap nilai tertinggi integriti melalui pembudayaan yang berterusan di setiap masa dan ketika dalam mengamalkan etika kerja terpuji dan berkualiti. **”**

Melalui ruangan ini saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga jabatan atas kesungguhan dan kecemerlangan yang telah ditunjukkan bagi memastikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia khususnya terus bergerak kehadapan bagi merealisasikan impian sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi.

Akhir kalam, saya mempunyai harapan yang amat besar untuk melihat seluruh warga Jabatan, dapat menghadami dengan sepenuh hati akan nilai integriti agar ianya dapat diperlakukan oleh semua warga Jabatan dalam memacu sebuah agensi yang lebih cemerlang.

Sekian, terima Kasih.

Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



## TINTA **KETUA EDITOR**

PPjB Norizan Bin Hj. Sulaiman

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia  
Cepat Dan Mesra dan Salam Integriti.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan kehadrat Allah SWT atas hidayah dan l'nyahNya, Buletin Integriti edisi 1/2018 telah berjaya diterbitkan dalam usaha meneruskan kesinambungan edisi terdahulu.

Dikesempatan ini saya merakamkan tahniah terulung kepada YAS Tuan Muhammad Hamdan bin Hj Wahid di atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang baru pada 11 Jun 2018. Semoga JBPM akan terus cemerlang di bawah teraju kepimpinan YAS Tuan.

Unit Integriti juga merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada seluruh warga JBPM yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam usaha untuk memperkasakan integriti di segenap lapisan warga dalam Jabatan. Seterusnya akan menjadikan JBPM sebagai satu agensi yang utuh dan unggul dari segi moral dan etikanya.

Unit Integriti akan terus berusaha merangka dan melaksana pelbagai program bagi memastikan kesedaran dan kefahaman terhadap nilai-nilai integriti akan terus menjadi pendamping setia setiap warga Jabatan kerana teras dan pemahaman terhadap fungsi integriti bakal menjadi tunjang utama kepada kelancaran perjalanan Jabatan ini ke arah mencapai matlamat Jabatan yang berprestasi tinggi.

Akhir kalam, sama-sama lah kita memikul tanggungjawab untuk memartabatkan integriti dalam diri dan organisasi yang kita amat sayangi ini sebagai lambang kecintaan dan kepatuhan kita kepada agama, bangsa dan Negara.

Daripada Sayyidina Ali Karramallah Wajhah :

***Barangsiapa yang telah kehilangan keutamaan kejujuran,  
maka dia telah kehilangan akhlaknya yang termulia.***

Sekian terima kasih.

PPjB Norizan Bin Hj. Sulaiman  
Ketua Unit Integriti, JBPM

## SIDANG EDITORIAL

### PENAUNG

YAS Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### PENASIHAT

YAS Dato' Hj. Soiman Bin Jahid  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### KETUA EDITOR

PPjB Norizan Bin Hj. Sulaiman  
Ketua Unit Integriti

### EDITOR

PgKB I Aswadi Bin Hj. Ismail  
Encik Mohd Faruqi Bin Badron

### PENULIS

PgKB II Abdul Malik Bin Zainuddin  
PgB Luqman Bin Ramli  
PKPgB Mohd Azuan Bin Abu Hassan  
Puan Nor Hasmardiana Binti Kamarudin

### JURUGAMBAR

Encik Patrick Jelai Jali

### PENERBIT

Unit Integriti  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

# Mesyuarat Urusetia-Urusetia Lembaga Tatatertib

Bil. 1  
Tahun 2018



YAS Ketua Pengarah Menyampaikan Kata-Kata Aluan

Putrajaya, 20 Februari 2018 – Bertempat di Bilik Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan Mesyuarat Urusetia-Urusetia Lembaga Tatatertib Bil. 1 Tahun 2018 yang telah dipengerusikan oleh YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, selaku Pengerusi Lembaga Tatatertib Jabatan. Beliau telah meluangkan masa bersama Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri.



Antara Urusetia Lembaga Tatatertib Negeri  
Yang Hadir Dalam Mesyuarat Ini



Perjumpaan tahunan ini memberi peluang kepada urusetia-urusetia untuk berjumpa serta berbincang berkaitan isu-isu integriti dan tatatertib selain menjadi platform separa formal bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan integriti dan tatatertib Jabatan.

Dalam ucapan aluan, Pengerusi mengingatkan agar Urusetia Lembaga Tatatertib **hendaklah berlaku adil kepada tertuduh dalam proses mengendalikan kes-kes tatatertib mereka**. Penekanan terhadap pengurusan perolehan perlu diberi perhatian agar teguran-teguran sebelum ini tidak berulang.

# LAWATAN MENGEJUT KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

Unit Integriti telah melaksanakan lawatan mengejut di Balai Bomba dan Penyelamat Karak, Pahang pada 31 Januari 2018 yang lalu yang diketuai oleh PgKB I Aswadi bin Hj Ismail, Ketua Seksyen Tadbir Urus dan Pematuhan. Bermula dengan panggilan baris serta pemeriksaan ketrampilan pegawai dan kelengkapan perlindungan diri (PPE), pemeriksaan persekitaran balai dan ruang pejabat serta keadaan jentera. Lawatan diakhiri dengan taklimat ringkas berkaitan integriti serta isu-isu semasa Jabatan. Pemeriksaan Mengejut oleh Unit Integriti diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pegawai yang bertugas di balai-balai sentiasa berada dalam keadaan siap siaga setiap masa dalam melaksanakan tugas sehari-hari di balai. Selain



Pegawai Penyelia melaporkan kekuatan anggota kepada Pegawai Pemeriksa



Panggilan baris oleh Pegawai Penyelia dengan Anggota yang bertugas sebelum melaporkan kekuatan anggota.

itu juga, ianya bertujuan memeriksa dan menilai tahap kecekapan serta kemahiran anggota dalam mengendalikan peralatan kebombaan dan penyelamatan.

Di samping itu, aktiviti ini bertujuan untuk menilai semula tahap pematuhan terhadap semua peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan oleh semua Pegawai bertugas. Sekiranya ada kesalahan yang dilakukan oleh pegawai, tindakan pembetulan akan diambil serta merta dan pegawai diberi peringatan supaya sentiasa mematuhi peraturan. Laporan lawatan mengejut akan diangkat kepada YAS Ketua Pengarah untuk ulasan dan tindakan selanjutnya.



Taklimat Integriti oleh PgKB I Aswadi bin Hj Ismail selaku Ketua Seksyen Tadbir Urus dan Pematuhan, Unit Integriti.

# Bengkel Integriti dan Tatatertib Urus Setia Lembaga Tatatertib



Gambar peserta yang menghadiri Bengkel Integriti dan Tatatertib Urus Setia Lembaga Tatatertib 2018.

Dalam memastikan urusan tatatertib dapat dibuat dengan cepat, tepat, berkesan, dan teratur serta mengikut prosedur yang ditetapkan, Bengkel Integriti dan Tatatertib Urusetia Lembaga Tatatertib telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah pada 22 hingga 25 April



PPjB Norizan menyampaikan Plak kepada penceramah dari kiri Puan Jolita binti Ijom, Encik Jonathan Lim Jiun Yenn dan Puan Aimie Yusreena binti Yunus.

2018. Seramai 31 orang pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan tatatertib Jabatan telah menghadiri bengkel ini.

Para peserta telah diberi pendedahan berkaitan peranan, prosedur dan proses yang diperlukan bagi melicinkan urusan tatatertib dan pelaksanaan hukuman di Jabatan.

Penceramah yang dijemput bagi bengkel ini ialah Puan Eizan Azura binti Zainudin, Timbalan Pengarah, Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Aimie Yusreena binti Yunus, Penolong Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Jolita binti Ijom, Pegawai Insolvensi Kanan I, Unit Kebankrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia Negeri Sabah dan Encik Jonathan Lim Jiun Yenn, Penolong Setiausaha, Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



Puan Eizan Azura binti Zainudin menyampaikan ceramah kepada peserta yang hadir.

# *Naziran Pematuhan Integriti*

## *dan Tatatertib JBPM Negeri Selangor*



Sesi penutupan Naziran Pematuhan Integriti yang dipengerusikan oleh YS Pengarah JBPM Negeri Selangor.

Seksyen Pengesahan, Pengesahan dan Tatatertib, Unit Integriti telah menjalankan Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib (NPITT) di JBPM Negeri Selangor pada 21 – 23 Mei 2018.

Naziran ini diadakan bertujuan untuk melihat pematuhan terhadap prosiding dan prosedur tatatertib yang telah digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam serta peraturan-peraturan dalam Jabatan yang sedang berkuatkuasa.

Pasukan Naziran turut mengambil peluang meninjau pelaksanaan arahan penggunaan KPW (Kad Perakam Waktu) dengan merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 11 tahun 1981, yang telah dipanjangkan ke balai-balai bertarikh 3 Januari 2014 melalui



Sesi Lawatan Ke Balai Bomba Dan Penyelamat Cyberjaya, Selangor.

aranan YAS Ketua Pengarah serta melihat pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) dengan merujuk arahan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016 berkuatkuasa 29 Januari 2016.

Di samping itu, antara perkara yang telah dibincangkan adalah mengenai 9 perkara dalam Surat Aku Janji Penjawat Awam di mana Penjawat Awam telah dengan sesungguhnya



Sesi Lawatan Ke Balai Bomba Dan Penyelamat  
Bandar Baru Bangi, Selangor.

berjanji akan mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta lain-lain arahan, peraturan, pekeliling yang berkuatkuasa.

Naziran ini juga dijalankan untuk mendidik, menasihati dan merundingkan pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh setiap JBPM Negeri yang telah dipilih. Laporan ini juga akan turut dipanjangkan untuk

makluman YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Naziran ini diketuai oleh PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman selaku Ketua Unit Integriti, Encik Mohd. Faruqi bin Badron, Ketua Seksyen Pengesanan, Pengesahan dan Tatatertib (SPPT) serta dibantu oleh Encik Abdul Hafiz bin Abdul Mutualib dan Encik Patrick Jelai Jali.



Sesi Lawatan Ke Balai Bomba Dan Penyelamat  
KLIA, Selangor

# BICARA INTELEKTUAL PEMERKASAAN INTEGRITI (BIPIN)

SIRI 1/2018 ZON BORNEO



YAS Ketua pengarah bergambar dengan penceramah dan peserta yang hadir.

23 Mac 2018 bertempat di Dewan Tiara Hotel, Labuan, telah berlangsungnya program Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 1/2018 Zon Borneo melibatkan peserta dari Labuan, Sabah dan Sarawak.

Melalui perbincangan Jabatan dengan Institut Integriti Malaysia dan SPRM, telah bersetuju untuk melaksanakan program BIPIN secara

berperingkat di seluruh negara iaitu Zon Timur, Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Borneo dan yang akan melibatkan agensi kerajaan penguatkuasaan lain dimana pegawainya terdedah dengan pelanggaran nilai-nilai integriti.

Sebanyak 47 buah agensi kerajaan telah menghantar peserta untuk



Sesi soal Jawab berkaitan isu yang dibangkitkan oleh peserta.



Datuk Mufti Wilayah Persekutuan menjawab persoalan yang dilontarkan oleh peserta BIPIN.



YAS Ketua Pengarah menyampaikan kata-kata aluan.

mengikuti program ini di mana dianggarkan seramai 320 peserta yang hadir. Program BIPIN kali ini telah menjemput panel-panel yang berpengalaman iaitu Ketua Rektor UiTM Negeri Sabah, Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Kadir Rosline, yang mengupas tajuk "Peranan Penjawat Awam Dalam Memperkasakan Integriti".

Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah, Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al- Bakri pula telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk "Penghayatan Integriti: Satu Perspektif Islam" manakala Timbalan Pengarah (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sabah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Zulkefle Bin Abd Hamid, pula membawa tajuk "Penguatkuasaan dan Pencegahan Rasuah di Malaysia Isu: Cabaran dan Halangan". Manakala moderator

program tersebut adalah Tuan Harisham bin Ibrahim, Ketua Kluster Pentadbiran dan Agensi Penguatkuasaan Institut Integriti Malaysia.

Antara kenamaan Jabatan yang hadir dalam program ini ialah YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS Zainal@Jenal bin Madasin, Pengarah JBPM Labuan, PPjB Norizan bin Hj Sulaiman, Ketua Unit Integriti JBPM, selain itu ketua-ketua bahagian daripada pelbagai agensi.

Majlis Penutup program Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 1/2018 Zon Borneo telah disempurnakan oleh Senator Dewan Negara, Datuk Bashir Alias.



Sesi perjumpaan Datuk Mufti Wilayah Persekutuan dengan Ketua Unit Integriti, JBPM.



Gambar Sekitar Majlis

# ANALISA TATATERTIB



## Statistik Tatatertib

Sehingga 30 April 2018, Lembaga-Lembaga Tatatertib Jabatan di peringkat ibu pejabat dan negeri telah bersidang sebanyak 8 kali, menyelesaikan sebanyak 38 kes melibatkan pelbagai kesalahan dan perlanggaran tatatertib. Sebanyak 19 daripada kes tersebut adalah kes-kes yang dikendalikan oleh Ibu Pejabat JBPM dimana 6 pegawai telah dibuang kerja manakala 19 kes lagi telah dikendalikan oleh lembaga tatatertib JBPM negeri seperti jadual dibawah:

### Statistik Kes Tatatertib Yang Telah Selesai Sehingga 30 April 2018

Bil.	Peringkat	2015	2016	2017	2018
1.	Ibu Pejabat JBPM	70 (32 Buang Kerja)	58 (44 Buang Kerja)	43 (21 Buang Kerja)	19 (6 Buang Kerja)
2.	JBPM Negeri	45	50	67	19
	<b>Jumlah</b>	<b>115</b>	<b>108</b>	<b>110</b>	<b>38</b>



## BENGKEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### ORGANISASI BERINTEGRITI (PMIOB)

SIRI  
1/2018



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sejak dari tahun 2009 sehingga kini, telah berjaya melaksanakan pelbagai program yang berkaitan dengan Integriti termasuklah menganjurkan Bengkel PMIOB di Integriti yang melibatkan hampir 300 orang Pegawai Kanan JBPM.

Sehubungan dengan itu, dalam meneruskan kesinambungan penganjuran program-program yang telah diadakan sebelum ini, JBPM pada 26 hingga 28 Jun 2018 telah mengadakan Bengkel Pembangunan Modal Insan Organisasi Berintegriti (PMIOB) yang merupakan penjenamaan semula program yang sebelum ini diadakan dengan menampilkan kelainan dari segi pengisian program.

Seramai 40 orang Pegawai Kanan yang terpilih untuk mengikuti bengkel ini yang diadakan di Institut Integriti Malaysia, Menara Integriti,



Persiaran Tuanku Syed Sirajudin Kuala Lumpur selama 3 hari 2 malam. Peserta telah didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan dengan pengurusan tatatertib, budaya kerja berintegriti, rasuah, penyelewengan, pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pencegahan penyalahgunaan dadah dan isu-isu berkaitan dengan Integriti.

Antara penceramah yang terlibat adalah Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pengarah (Pencegahan) SPRM, Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun, Institut Integriti Malaysia, Encik Zulkipli bin Abdullah, Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus) Jabatan Audit Negara, Dr. A. Bakar bin Sarpon, Al Hijrah Media Corporation, Puan Monarita binti Junaidi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Encik Zawari Bin Ismail, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Encik Asrul Shah bin Razali, Ketua Unit Integriti Jabatan Perkhidmatan Awam, dan Encik Mohammad Shahizan bin Abdullah, Cawangan Sumber Manusia JBPM.



Bicara Agama:

# *Integriti dihayati, Hidup diberkati.*

**Bismillahirrahmanirrahim.**

Agama Islam mewajibkan setiap penganutnya supaya sentiasa memiliki perwatakan peribadi yang baik lagi terpuji kerana ianya menjadi asas terpenting yang menjadi asbab kepada perutusan Nabi SAW sebagai rahmat kepada seluruh umat manusia, ini dengan jelas dapat difahami melalui sabda baginda Nabi SAW dalam sebuah hadis riwayat Imam Al-baihaqi yang maksud: "sesungguhnya aku diutus bagi menyempurnakan kemulian akhlak". Maka hasil dari itu dapat kita lihat bagaimana kesungguhan Nabi SAW melusuri ranjau hidup yang beronak dengan penuh upaya menonjolkan akhlak terpuji dalam setiap perbuatan dan pertuturan baginda SAW.

Integriti secara mudahnya dapat difahami sebagai himpunan sifat-sifat baik yang dimiliki oleh manusia seperti ikhlas, amanah, sabar, bercakap benar, tekun, berani dan lain-lain yang sentiasa berdamping dalam diri manusia secara berterusan, ini kerana seseorang yang mempunyai nilai-nilai ini akan sentiasa berusaha bagi melakukan yang terbaik dalam setiap tugas dan perkerjaan yang dilakukannya tanpa mengharapkan pujian dan penghargaan kerana memahami hakikat kepada tanggungjawab dalam pekerjaan yang digalas merupakan amanah dan ibadah kepada Allah SWT.

Agama Islam menegaskan supaya kita sentiasa menitik beratkan nilai integriti dalam setiap pekerjaan yang diamanahkan kepada kita, kerana setiap pekerjaan yang lakukan sudah tentu akan membawa kepada pertanggungjawaban terhadap kita dihadapan Allah SWT dihari akhir kelak, keadaan ini dijelaskan melalui hadis baginda Nabi SAW yang bermaksud: "setiap daripada kamu adalah pemimpin dan kamu



akan dipertanggungjawabkan atas apa yang kamu pimpin". Hadis riwayat Imam Muslim ini menjelaskan kepada kita agar sentiasa berhati-hati atas setiap perkara yang kita mempunyai hak kawalan keatasnya kerana setiap daripada keputusan dan tindakan kita sudah tentu tidak akan terlepas daripada hitungan dengan Allah Rabbuljalil diakhirat kelak.

Pengabaian terhadap nilai integriti secara berterusan tanpa memperkuatkan teras paling utama sebagai pekerja muslim yang menjadi daya penting seperti iman (ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah), ilmu (pembelajaran yang berterusan) dan amal (pelaksanaan yang sistematis dan cekap) secara tidak langsung akan membuka ruang kepada sifat-sifat buruk yang berlawanan dengan nilai murni integriti bagi mengambil alih tugas sifat baik yang sepatutnya hidup subur dalam diri kita, ini akan berlaku jika kita tidak peka dan lalai terhadap peringatan dan amaran agama yang menekankan seluruh umat manusia untuk menjadikan panduan agama sebagai asas pegangan yang berterusan dalam seluruh aspek kehidupan agar kita tidak terjerumus ke lembah kehinaan dan kemurkaan Allah SWT.

Kesan tidak berintegriti dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan tidak hanya menjelaskan kualiti kerja dan organisasi yang diwakili seseorang individu itu sahaja, bahkan ianya mungkin membabitkan kesan lebih besar yang menjelaskan kehidupan orang lain yang turut terkesan hasil daripada tindakan tidak bertanggungjawab kita, jika ini berlaku sudah tentu kita bakal berhadapan dengan kesukaran dan kesulitan yang sangat menakutkan di akhirat kelak apabila melibatkan penganiayaan kepada sesama manusia yang mana keampuan Allah SWT terhadap manusia tidak meliputi kesalahan sesama manusia. Ancaman oleh Allah SWT ini dijelaskan melalui firman-NYA didalam Al-Quran:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَيْنَ شَكَرْتُمْ لَا زِيَّدَنَّكُمْ وَلَيْنَ  
كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

dan janganlah sekali-kali kamu (Muhammad) menyangka, bahwa Allah lalai dari apa yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tangguh kepada mereka sampai hari yang pada waktu itu mata (mereka) terbeliak.

Peringatan-peringatan sedemikin oleh Allah SWT kepada hambaNya adalah atas dasar sifat kasih Allah SWT kepada kita sebagai hambanya, kerana Dia yang telah menciptakan kita sebagai manusia serta mengetahui kelebihan dan kelemahan kita secara hakikat sebenar kejadian sudah tentu mengetahui bahawa ketulan daging dan tulang berulang ini tidak akan mampu menahan kepedihan azab siksaanNya di hari kebangkitan yang tidak ada pelindungan melainkan perlindungan dari Allah SWT.





Justeru itu, sebagai muslim yang berjalan dan hidup diatas titian syariat agama seharusnya sentiasa mempunyai iltizam dan semangat yang tinggi terutama apabila telah diberi peluang sebagai penjawat awam untuk memberikan khidmat kepada masyarakat supaya tidak mensia-siakan nikmat berkerja yang sedang dinikmati ini, kerana setiap nikmat yang tidak kita syukuri adalah tidak mustahil untuk Allah menarik kembali segala kurnianya kepada kita dan memberikan kepada orang yang lebih ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menggalas dan memikul amanah ini. Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلَا تَحْسِبَنَّ اللَّهَ غَفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا  
 يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَسْخَصُ فِيهِ الْأَبْصَرُ  
 ﴿٤٢﴾

dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memberitahu; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan tambahi (nikmat) kepadamu, dan jika kamu ingkar (nikmat-Ku), Maka Sesungguhnya azab-Ku sangatlah pedih".

Kesimpulannya, perkerjaan merupakan ibadah dan sesuatu yang dituntut dalam agama kerana ia merupakan wasilah kepada kita dalam mencari rezeki kurniaan Allah SWT bagi memenuhi keperluan harian dan melunaskan tuntutan nafkah kepada keluarga, Agama Islam memuji orang yang mementingkan nilai integriti dalam melakukan sesuatu pekerjaan di samping mendahulukan tuntutan syarak dalam tindakannya, agama Islam sama sekali tidak menghalang penganutnya daripada memiliki kekayaan dan kemewahan dalam kehidupan, kerana itu juga merupakan nikmat dan anugerah Allah SWT kepada hambanya yang gigih berusaha, akan tetapi Islam amat bertegas agar setiap dari hasil yang dimiliki dan diperolehi mestilah melalui cara yang dibenarkan oleh agama, kerana hasil yang diperolehi itu akan menjadi santapan ibubapa, isteri dan anak-anak kita, setiap yang masuk ke dalam tubuh akan menumbuh sebagai darah daging yang mempengaruhi peribadi manusia. Imam Ghazali Rahimahullah berkata, "Jika kita ingin anak menjadi soleh, bijaksana dan berguna, berilah mereka makan daripada rezeki yang halal sejak dilahirkan. Makanan yang halal selain menjadikan anak kita berguna, boleh menjadikan fikiran mereka cerdas dan pintar. Sebaliknya, anak akan menjadi derhaka kepada kita jika diberikan makanan yang kotor."


WALLAHU A'ALAM BISSOWAB.....

PgB Luqman bin Ramlie  
Sarjana Muda Usuluddin dan Dakwah  
Universiti Al-Azhar, Mesir



# TAHUKAH KITA ???

MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR  
TANPA KEBENARAN ADALAH SATU **KESALAHAN**



## PERATURAN 5, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM

(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

Pekerjaan Luar tidak boleh dilakukan  
melainkan dengan kebenaran bertulis  
daripada Ketua Jabatan dengan syarat:

- tidak dilakukan semasa waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas rasminya
- tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk menjelaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang pengkhidmat awam; dan
- tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tak konsisten dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pengkhidmat awam.

# JASAMU DIKENANG



**Unit Integriti  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**

Mengucapkan Selamat Bersara,  
Semoga Dikurniakan Kesihatan dan Kebahagiaan Yang  
Berpanjangan dan Jutaan Terima Kasih di atas  
Jasa dan Pengorbanan Yang Telah Dicurahkan Kepada  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Secara Amnya  
dan Kepada Unit Integriti Secara Khususnya

Kepada

**YBhg. Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim**  
Mantan Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
(16.12.1985 - 1.5.2018)





## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### Unit Integriti

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya

Telefon : 03 - 8892 7600

Faks : 03 - 8888 0829

Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

E-mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)

